

KAEDAH-KAEDAH PENGUSAHAHASILAN DI NEGERI JOHOR

Kaedah-kaedah pengusahhasilan di Negeri Johor merujuk kepada peraturan, prosedur dan amalan teknikal yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor dalam menjalankan aktiviti pengambilan hasil hutan secara terancang dan terkawal. Pelaksanaan kaedah ini adalah berasaskan Enakmen Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 Negeri Johor serta Kaedah-Kaedah Hutan Negeri Johor 1987.

1. Sistem Pengusahhasilan Hutan

Sistem utama yang digunakan dalam pengusahhasilan hutan di Negeri Johor ialah Sistem Pengurusan Memilih (Selective Management System – SMS).

- Ciri-ciri utama sistem ini adalah:
- Hanya pokok matang atau melepasi had diameter tebangan dibenarkan untuk ditebang.
- Pokok yang lebih muda dan dirian tinggal dikekalkan bagi memastikan pertumbuhan semula hutan.
- Memastikan kelestarian sumber hutan untuk pusingan tebangan yang seterusnya.
- Mengurangkan kerosakan terhadap ekosistem hutan.

2. Proses Pengusahhasilan Hutan

Sebelum aktiviti pengusahhasilan dilaksanakan, beberapa proses penting perlu dilaksanakan bagi memastikan operasi pembalakan berjalan secara terancang.

1. Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-Felling Inventory – Pre-F).
2. Penandaan pokok yang layak ditebang.
3. Penentuan Had Batas Tebangan (HBT).
4. Penandaan dan pengesahan sempadan kawasan tebangan.
5. Perancangan pembinaan jalan hutan dan laluan pengeluaran kayu.
6. Pelaksanaan operasi tebangan dan pengeluaran kayu.

3. Teknik Pembalakan

Antara teknik pembalakan yang diamalkan ialah:

- Tebangan berarah (Directional Felling).
- Amalan Reduced Impact Logging (RIL).
- Perancangan dan pembinaan jalan hutan secara terkawal.

4. Kawalan dan Pemantauan

Bagi memastikan aktiviti pengusahhasilan hutan dilaksanakan secara lestari, beberapa mekanisme kawalan dan pemantauan dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

- Catuan Tebangan Tahunan (CTT).
- Pelaksanaan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Johor.

- Pemantauan dan penguatkuasaan oleh Jabatan Perhutanan.
- Pematuhan kepada Malaysian Criteria and Indicators (MC&I) bagi Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kaedah pengusahaan di Negeri Johor dilaksanakan dengan mengambil kira prinsip pengurusan hutan secara berkekalan bagi memastikan sumber hutan dapat dimanfaatkan secara optimum tanpa menjejaskan keseimbangan ekologi dan kepentingan generasi akan datang.